



جَابَتْ مَفْتِيَّ نَكْرِي قَمَعَ

TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
SIRI 11/2024



HINDARI AJARAN SESAT

15 NOVEMBER 2024 / 13 JAMADILAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلَ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. أَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَاعِبَادَاللَّهِ، اتَّقُوااللَّهَأُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَىاللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ‘Azza wa Jalla,

Antara nikmat terbesar yang wajib disyukuri, ialah nikmat beragama, menjalankan tugas sebagai hamba, dan rasa bertuhan dengan syariat yang benar. Inilah yang menjadi asas perjuangan para Rasul Alaihimus solatu wassalam yang terdahulu, iaitu menyelamatkan manusia yang tersesat supaya kembali ke jalan yang lurus. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Nahl ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ
مَنْ هَدَى اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ فَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ
كَانَ عَاقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ

Yang bermaksud: “Dan sesungguhnya Kami telah mengutus dalam kalangan tiap-tiap umat seorang Rasul (dengan memerintahkannya menyeru mereka): "Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut". Maka di antara mereka (yang menerima seruan Rasul itu), ada yang diberi hidayah petunjuk oleh Allah dan ada pula yang berhak ditimpah kesesatan. Oleh itu mengembaraalah kamu di bumi, kemudian lihatlah bagaimana buruknya kesudahan umat-umat yang mendustakan Rasul-rasulnya.”



Sejak zaman Nabi Adam Alaihi Salam, Iblis sentiasa berusaha untuk menyesatkan manusia. Kesesatan manusia berlaku pada zaman Nabi Nuh Alaihi Salam, apabila mereka mula mendewakan patung lima orang pemimpin agama mereka yang terdahulu. Apabila ditegur, mereka menolak, seperti firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah Nuh ayat 23:

وَقَالُوا لَا تَذْرُنَّ آهِتَكُمْ وَلَا تَذْرُنَّ وَدًا وَلَا سُوَاعًا وَلَا يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا

Yang bermaksud: "Dan (ketua-ketua) mereka (menghasut dengan) berkata: 'Jangan kamu meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu, terutama (penyembahan) Wadd, dan Suwaa', dan Yaghuth, dan Ya'uuq, serta Nasra.

Menurut Ibu Kahtir, ayat ini merujuk kepada kisah umat manusia yang saleh pada zaman Nabi Nuh Alaihi Salam. Setelah kelima-limanya meninggal dunia, pengikut mereka telah membuat patung, untuk memperingati mereka sekaligus memberi kekuatan beribadah kepada Allah Taala apabila mengingati kelima-lima mereka. Namun setelah bertukar beberapa generasi, akhirnya iblis berjaya menghasut manusia agar menyembah patung itu. Maka terjadilah kesyirikan dalam sejarah manusia.



Kisah ini mengajar kepada kita bahawa ajaran sesat dan kesyirikan itu sebenarnya adalah ujian dalam beragama. Ia mungkin bermula dengan kesungguhan dalam mencari hakikat agama, tetapi akhirnya terpesong. Perkara ini berpunca daripada sifat ketaksuban melampau kepada pemimpin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Dalam berhadapan cabaran semasa khususnya dalam mendepani ajaran sesat, kita hendaklah memahami bahawa sesuatu kesesatan boleh berlaku kepada seseorang sama ada pada perkara akidah, penolakan kepada hukum hakam syariat atau tersilap jalan ketika menuju jalan tasawuf.

Antara tanda-tanda ajaran yang meragukan atau sesat ialah:

1. Membina perkara-perkara akidah dan keyakinan bertentangan dengan al-Quran dan sunnah, ijmak dan qias serta tafsiran-tafsiran ulama muktabar ahlus sunnah wal jamaah.
2. Mengutamakan arahan pemimpin kumpulan mereka walaupun ia bertentangan dengan sumber-sumber hukum yang disebut sebentar tadi.
3. Mencipta amalan, prosedur dan ritual baru dalam beragama yang ditolak oleh jumhur ulama kerana bercanggah dengan syariat dan kaedah-kaedah syarak,



sama ada pada perkara-perkara ibadat atau urusan-urusan lain seperti zakat, pernikahan, muamalat dan lain-lain.

4. Mewujudkan kepercayaan untuk mengagungkan pemimpin melalui penonjolan perkara-perkara ghaib seperti mimpi, karamah dan lain-lain, serta memprogramkan supaya pengikut mengambil berkat daripadanya. Golongan ini menyalahgunakan keharusan berlakunya karamah, tabaruk dan mengambil berkat daripada para Nabi dan orang saleh, untuk kepentingan diri sendiri.
5. Membuat pelbagai dakwaan untuk kepentingan kumpulan mereka berkait dengan peristiwa akhir zaman seperti Imam Mahdi, pengikut Nabi Isa dan lain-lain serta mempergunakan wang ringgit, wanita dan kanak-kanak.
6. Melarang ahli kumpulan mereka daripada bercampur dengan masyarakat luar dan mendengar majlis ilmu, tazkirah dan ceramah daripada penceramah yang bertauliah.
7. Mendokong ideologi kebebasan yang bertentangan dengan hukum syarak seperti menghalalkan amalan lesbian, gay, bisexual dan transgender (LGBT)

Sidang Jumaat yang dikasihi sekalian,



Terdapat sekurang-kurangnya dua sebab kemunculan ajaran sesat, pertama ialah sikap gelojo dalam beragama, kedua sikap melarikan diri daripada agama mengikut hawa nafsu masing-masing.

Dalam beragama tidak ada jalan pintas untuk kita mengejar keredaan Allah Ta'ala. Janganlah kita tertipu dan terperangkap dengan tawaran orang yang berkepentingan, kononnya apabila mengikuti mereka akan mendapat pengampunan segera dan menjadi insan pilihan Allah Ta'ala. Walhal mereka membawa ajaran-ajaran yang tidak diiktiraf oleh ulama-ulama muktabar dan pihak berkuasa agama.

Pada masa yang sama terdapat mereka yang tersesat kerana inginkan kebebasan. Mereka tidak mahu dikongkong oleh agama dan hukum hakam syarak bahkan mengagung-agungkan kehidupan bebas berteraskan hawa nafsu. Sebenarnya mereka disesatkan oleh hawa nafsu mereka.

Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang sering kali menzahirkan rasa terkilan apabila terdapat 34 ajaran sesat dan enam masih aktif di negeri Pahang. Ini ditambah lagi dengan golongan yang kehidupannya menyeleweng ke arah Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT). Tuanku Sultan Pahang mengharapkan rakyat menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dalam menyalurkan maklumat sekiranya mengetahui kemunculan kumpulan ajaran sesat di tempat kita.



Usaha secara bersama ini mampu menghapuskan ajaran sesat di negeri Pahang. Kepada mereka yang ahli keluarganya terlibat hendaklah merujuk kepada agensi-agensi agama untuk mendapatkan bantuan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Kesimpulannya, ajaran sesat merupakan antara ujian dalam masyarakat yang beragama. Setiap daripada kita berisiko untuk terjebak dengan ajaran sesat, sekiranya bersikap melampau dan taksub dalam beragama.

Marilah kita berpegang dengan akidah ahli sunnah wal jamaah mengikut huraian Asyairah dan Maturidiah melalui pengajian sifat 20 untuk menepis segala ajaran sesat. Demikian juga kita menjalani tasawuf yang muktabar yang ditunjuk oleh Imam al-Ghazali dan Imam Junaid al-Baghdadi bagi mengelakkan aliran tasawuf yang menyeleweng . Begitu juga, Istiqamahlah dalam pengamalan syariah mengikut mazhab Syafie dan meraikan tiga mazhab Sunni yang lain. Marilah kita bersama-sama mendoakan agar sahabat-sahabat kita yang telah terpesong dan terpalit dengan ajaran sesat dan kehidupan songsang, diberikan taufik dan hidayah oleh Allah Taala dan kembali kepada jalan yang benar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ



وَلَا تَرْكَنُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فَتَمَسَّكُمُ النَّارُ وَمَا لَكُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ
أَوْلِيَاءَ ثُمَّ لَا يُنَصَّرُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ